

Usaha melestarikan alam sekitar



MOHD. YUSOFF

INDUSTRI automotif tiba-tiba menjadi perhatian masyarakat dunia selepas Perancis merancang untuk mengharamkan penjualan kenderaan yang menggunakan enjin petrol dan diesel menjelang tahun 2040, bulan lalu.

Langkah itu kemudiannya disusuli jirannya, Britain yang menyatakan pendirian sama minggu lalu bagi mengatasi masalah pencemaran udara.

Memetik kenyataan Menteri Alam Sekitar negara itu, Michael Grove, kereta atau van baharu yang menggunakan petrol atau diesel akan diharamkan sepenuhnya di seluruh jalan raya pada tahun 2050.

Rancangan itu merupakan antara pelan memerangi pencemaran udara bernilai AS\$3.9 bilion (RM16 bilion) yang menuntut pihak berkuasa tempatan untuk mengurangkan paras pengeluaran gas nitrogen oksida (NO₂) daripada kenderaan menjelang tahun hadapan.

Apa yang pasti, Perancis dan Britain bukan negara Eropah terawal yang menyatakan komitmen tersebut.

Sebelum ini, Belanda dan Norway telah menyatakan pendirian untuk mengharamkan kenderaan petrol dan diesel menjelang 2025.

Ia kemudian diikuti oleh Jerman dan India yang mengumumkan rancangan sama menjelang 2030.

Menurut Agensi Alam Sekitar Eropah (EEA), pencemaran udara telah menyebabkan sebanyak 467,000 kematian pramatang di benua berkenaan setiap tahun.

Mereka yang tinggal di bandar dikatakan lebih terdedah kepada risiko tersebut selain ancaman masalah jantung, asma dan kanser paru-paru.

NO₂ yang lazim berpunca daripada enjin diesel pula mampu menyebabkan masalah radang paru-paru serta meningkatkan risiko serangan jantung dan strok.

Malaysia yang merupakan sebuah negara membangun dan mempunyai jutaan kenderaan menggunakan kedua-dua bahan bakar itu di atas jalan raya tidak terkecuali berhadapan risiko pencemaran udara.

Justeru, pelbagai perancangan telah dilakukan termasuk penggunaan kereta elektrik pada masa depan dalam usaha mengurangkan pencemaran udara akibat asap kenderaan yang menggunakan bahan api petroleum dan diesel.

Berperingkat

Memetik kenyataan Menteri Sumber Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, buat masa ini, negara mempunyai dasar melaksanakan penggunaan minyak mengikut standard Eropah iaitu Euro5 yang bakal dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun depan sehingga 2025.

"Saya yakin kita boleh mencapai penggunaan minyak Euro5 menjelang tahun 2025 supaya negara dapat mengurangkan penggunaan bahan api fosil.

"Dalam masa sama, kerajaan juga merancang untuk menggunakan motosikal dan kereta elektrik secara berperingkat pada masa hadapan," katanya di Putrajaya baru-baru ini.

Menurutnya, dasar pelaksanaan dasar kenderaan elektrik ketika ini berhadapan cabaran kerana industri automotif perlu membelanjakan kos tinggi bagi membangunkan teknologi berkenaan.

Sementara itu, **Pensyarah**

PENDEDAHAN terhadap pencemaran udara boleh menjejaskan kesihatan manusia.
- Gambar hiasan



MALAYSIA perlu memperkasakan perkhidmatan awam sekiranya berhasrat mengharamkan penggunaan kereta petrol dan diesel.
- Gambar hiasan

Kanan, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Yusoff Ishak berkata, secara umumnya kenderaan yang berasaskan bahan bakar petrol dan diesel masih digunakan secara meluas di negara ini.

Katanya, biarpun penggunaan kereta hibrid yang menggabungkan enjin petrol dan motor elektrik semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna namun penggunaannya masih lagi rendah.

"Salah satu sebab ialah kos memiliki dan menyenggara kenderaan hibrid sedikit mahal berbanding kereta biasa kerana pelaburan modal yang tinggi untuk membangunkan teknologi tersebut," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambah Mohd. Yusoff, usaha ke arah membangunkan kenderaan elektrik juga berdepan situasi sama kerana

pelaburan dan pembangunan teknologinya sangat tinggi.

Justeru, katanya, langkah terbaik sebelum pelaksanaan cadangan tersebut ialah menerusi penyediaan kemudahan pengangkutan awam yang luas dan sistematik seperti di Perancis dan Britain.

"Kemudahan pengangkutan awam seperti Transit Aliran Massa (MRT) atau Transit Aliran Ringan (LRT) dan monorel perlu diperluaskan di bandar-bandar utama di negara ini.

"Ini dapat mengurangkan penggunaan kenderaan di atas jalan raya sekali gus pencemaran udara turut berkurangan.

"Selepas memperkasakan pengangkutan awam ini barulah kita boleh beralih arah ke arah kenderaan yang bersifat mesra alam dan mengurangkan jumlah kenderaan yang berasaskan petrol dan diesel secara perlahan-lahan," ujarnya.

PENGUNAAN kereta petrol dan diesel antara punca utama menyebabkan pencemaran udara.
- Gambar hiasan

